

1979

KUALA LUMPUR, 11 FEB. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI TERDAPAT SEGOLONGAN ORANG DI NEGARA INI YANG INGIN MENGKHIANATI DAN +MENGHANCURKAN + MAS SEBAGAI SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN. KATANYA, MAS YANG MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN YANG KECIL DI RANTAU INI BUKAN SAHAJA MENGHADAPI BANYAK MASALAH MEN-DAPATKAN HAK DARI NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK TERUS BERJALAN TETAPI JUGA MENGHADAPI BERBAGAI TEKANAN DARI DALAM NEGERI.

MENGULAS MENGENAI MASALAH MAS SEKEMBALINYA DARI LAWATAN SEMINGGU KE AMERIKA SYARIKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKALI LAGI PENDIRIAN KERAJAAN AKAN MENGHENTIKAN PERKHIDMATAN MAS JIKA KEADAAN +MENGHENDAKINYA+.

KATANYA, JIKA SYARIKAT PENERBANGAN ITU SAMPAI KE PERINGKAT IA TIDAK DAPAT BERJALAN LAGI+, TIDAK ADA APA LAGI YANG BOLEH DIBUAT KECUALI MENGHENTIKAN PERKHIDMATANNYA+.

MENURUTNYA, BELIAU TIDAK PERMAKSUD BERKATA +KITA AKAN MENGHENTIKAN PERKHIDMATAN ITU KERANA KITA TIDAK DAPAT MENGENDALIKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN YANG KECIL TETAPI JIKA KEADAAN MENDESAK, KITA AKAN MENGHENTIKANNYA+, --BERSAMBUNG 2221/BY

EE

B586

MAHATHIR-MAS 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BAGAIMANAKAH KEADAAN TERSEBUT PERLULAH DIKAJI, TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI KESAL KERANA DALAM PROSES MENDAPATKAN GAJI LEBIH BAIK PARA PEKERJA TELAH MENGHANCURKAN IMEJ NEGARA.

+ORANG AKAN BERKATA MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGENDALIKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN YANG KECIL+, KATANYA.

BELIAU MERASAKAN KEBANYAKAN PEKERJA ADALAH +ORANG BAIK+ TETAPI TERDAPAT SETENGAH--SETENGAH YANG INGIN MENGHANCURKAN MAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI CONTOH PERKHIDMATAN BAIK YANG DIBERI OLEH KAKITANGAN KABIN KAPALTERBANG AMERIKA DALAM PENERBANGAN SELAMA 14 JAM TIDAK BERHENTI-HENTI DARI NEW YORK KE TOKYO.

+INI ADALAH SATU CONTOH BAGAIMANA SESEBUAH NEGARA MENJADI TERNAME KERANA RAKYATNYA INGIN BEKERJA KUAT, + TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA BELIAU JUGA DIBERI LAYAN PALING BAIK OLEH KAKITANGAN KABIN MAS DARI TOKYO KE KUALA LUMPUR DAN +ADALAH SUATU YANG DIKESALKAN JIKA NEGARA KEHILANGAN PERKHIDMATAN INI+, --BERSAMBUNG

MAHATHIR-MAS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYUARAKAN RASA KESAL DENGAN TERHENTINYA PERKHIDMATAN KAPALTERBANG DC10 AKIBAT PEMBATALAN PENERBANGAN ANTARABANGSA MAS.

+MESKIPUN PEMBATALAN ITU DAPAT DISETUJUI, SAYA LEBIH SUKA MEMBELANJAKAN WANG SEBANYAK \$100 JUTA ATAU LEBIH BAGI DC-10 ITU UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN DAN MEMPAIKI TARAF HIDUP PENDUDUK KAMPUNG MEREKA YANG DI LUAR BANDAR+, KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BELIAU BELUM LAGI DIBERI PENERANGAN TENTANG KEDUDUKAN TERAKHIR MENGENAI MAS, BELIAU +SANGAT TIDAK GEMBIRA+ TENTANG PERTIKAIAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERADA DI AMERIKA SYARIKAT KERANA MEMHADIRI SATU SEMINAR MENGENAI MASALAH SOSIO-POLITIK NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN.

SEMINAR ITU DIADAKAN DI UNIVERSITI PENNSYLVANIA JUGA DIHADIRI OLEH WAKIL-WAKIL DARI NEGARA- NEGARA LATIN AMERIKA DAN PAKISTAN.

BELIAU JUGA MELAWAT NEW YORK UNTUK MEMBERI PENERANGAN KEPADA BAKAL PELABUR TENTANG KEADAAN DI ASIA TENGGARA BERIKUTAN DENGAN KEJATUHAN KERAJAAN POL-POT DI KAMPUCHEA.

BELIAU GEMBIRA MENGETAHUI YANG PELABUR-PELABUR ITU MASIH INGIN MELABUR DI MALAYSIA SELEPAS APA YANG PERLAKU DI KAMPUCHEA ITU.

--BERNAMA 2330/PY